



KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA PENGKAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH KELIMA BELAS

**[ANGKAT SUMPAH SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI,
AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN PEMILIHAN TIMBALAN SPEAKER]**

ISI KANDUNGAN

25 SEPTEMBER 2023 (ISNIN)

PERKARA	MUKA SURAT
Kehadiran Ahli-Ahli Dewan	
I. Bacaan Doa	1
II. Perisytiharan Memanggil Dewan	2 - 3
III. Pemilihan Speaker Dewan Negeri	4 - 6
IV. Angkat Sumpah Ahli Dewan Undangan Negeri	7 - 10
V. Pemilihan Timbalan Speaker Dewan Negeri	11 - 13
VI. Tangguhan Sidang Dewan Negeri	14 - 15

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KELIMA BELAS
[ANGKAT SUMPAH SPEAKER, AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN
PELANTIKAN TIMBALAN SPEAKER]

WISMA DARUL AMAN	HARI ISNIN	JAM
ALOR SETAR	25 SEPTEMBER 2023	9.00 PAGI

SENARAI KEHADIRAN ADUN

BIL	AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI	KAWASAN
1.	YB. Encik Zubir bin Ahmad (Speaker)	Ayer Hangat
2.	YAB. Dato' Seri Muhammad Sanusi Bin Md. Nor, SPMK., AMK. (Menteri Besar)	Jeneri
3.	YB. Dato' Ustazah Hjh. Siti Ashah Binti Hj. Ghazali, DSDK., AMK.	Merbau Pulas
4.	YB. Ustaz Mohd Azam Bin Abd. Samat, SDK., PJK.	Sungai Limau
5.	YB. Dr. Haim Hilman Bin Abdullah, AMK.	
6.	YB. Dato' Hjh. Halimaton Shaadiah Binti Saad, DSSS., SSS., BKM.	Bukit Kayu Hitam
7.	YB. Tn. Haji Mohamad Yusoff Bin Zakaria, SSS., AMK., BKM.	Kuala Nerang
8.	YB. Mejar (B) Mansor Bin Zakaria, AMK., PCK., PNBB., PJM., PPS.	Kuala Ketil
9.	YB. Tn. Haji Dzowahir Bin Haji Ab. Ghani	Suka Menanti
10.	YB. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Saidin, DIMP., DPSM.	Kubang Rotan
11.	YB. Tn. Haji Muhammad Radhi Bin Haji Mat Din, SDK., AMK., ASK., PJK.	Alor Mengkudu
12.	YB. Encik Wong Chia Zhen	Kulim

13.	YB. Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman, DSDK., AMK.	Tokai
14.	YB. Brig. Jen (B) Dato' Haji Najmi Bin Haji Ahmad, DSDK., PAT., JSM., KAT., KMN.	Kupang
15.	YB. Dato' Romani Bin Wan Salin, DSSS.	Bukit Pinang
16.	YB. Ustaz Salim Bin Mahmood, PJK.	Bukit Lada
17.	YB. Ustaz Haji Hanif Bin Haji Ghazali	Tanjung Dawai
18.	YB. Encik. Azhar Bin Ibrahim, PJK., BKM.	Ayer Hitam
19.	YB. Encik Mohd Radzi Bin Md. Amin	Pedu
20.	YB. Encik Abdul Ghafar Bin Saad	Guar Chempedak
21.	YB. Encik Ahmad Bin Sulaiman	Belantek
22.	YB. Encik Baddrol Bin Bakhtiar	Gurun
23.	YB. Encik Abdul Razak Bin Khamis (Timbalan Speaker)	Sungai Tiang
24.	YB. Encik Azizan Bin Hamzah	Bukit Selambau
25.	YB. Puan Shamsilah Binti Siru	Ayer Hangat
26.	YB. Puan Mardhiyyah Binti Johari	Pengkalan Kundor
27.	YB. Ts. Dr. Mohd Suffian Bin Yusoff	Bandar Baharu
28.	YB. Encik Mohd Ashraf Mustaqim Bin Badrul Munir	Kota Siputeh
29.	YB. Encik Amar Pared Bin Mahamud	Kuah
30.	YB. Encik Khairul Anuar Bin Ramli	Lunas
31.	YB. Encik Muhamad Amri Bin Wahab	Derga

32.	YB. Encik Sharir Bin Long	Pantai Merdeka
33.	YB. Encik Mohd Taufik Bin Yaacob	Bayu
34.	YB. Encik Rashidi Bin Razak	Anak Bukit
35.	YB. Encik Teh Swee Leong	Kota Darul Aman
36.	YB. Encik Loh Wei Chai	Bakar Arang
37.	YB. Encik Bau Wong A/L Bau Ek	Sidam

AHLI-AHLI RASMI

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

(YB. Dato' Seri Haji Norizan bin Khazali, SSDK., DSDK., AMK., BCK)

PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

(YB. Dato' Nik Azhan Hakim Bin Nik Mahmood, DSDK.)

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

(YB. Dato' Wira Haji Isahak Bin Murat, DGWK., DSSS., SDK., AMK., BCK)

PEGAWAI KANAN DEWAN

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

(Encik Mohamad Azlee bin Ahmad, AMK., BCK.)

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

(Puan Nor Hafizah Binti Md. Rejab)

BENTARA MESYUARAT

(Encik Abdul Halim bin Md. Daud)

PETUGAS-PETUGAS DEWAN

Encik Zaidi bin Ahmad

[Setiausaha Pejabat N30]

Puan Nor Amira binti Ghazali

[Setiausaha Pejabat N29]

Puan Siti Rohani binti Md Isa

[Pembantu Tadbir P/O N19]

Encik Badrul Hisham bin

[Pembantu Operasi N11]

Encik Md. Sharib bin Din @ Saaidin

[Pembantu Operasi N11]



[Dewan bersidang pada jam 9.00 pagi]

TUAN PELAPOR DEWAN

Mengumumkan Yang Berbahagia Tuan Setiausaha Dewan Undangan Negeri Kedah.

I. BACAAN DOA

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب السماوات ورب الأرض ورب العلمين
وصلوة والسلام على سيدنا محمد سيد المرسلين
وعلى آله وصحبه أجمعين

“Dengan nama Allah , Tuhan Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, Segala pujian bagi Allah Tuhan yang memerintah sekalian langit dan bumi dan Tuhan sekalian alam. Selawat dan Salam atas Rasul kami Nabi Muhammad, Penghulu sekalian Rasul dan di atas keluarga dan sekalian sahabat-sahabatnya.

Ya Allah Yang Maha Berkuasa; Engkaulah Tuhan Yang Maha Adil, Bijaksana dan Pemurah, Tuhan yang telah mengatur kewajipan Sultan Pemerintah dan meletakkan tanggungan pertubuhan Dewan untuk keselamatanMu yang Engkau telah perkenan meletakkan tanggungjawab bagi menyempurnakan segala pekerjaan di dalam Dewan ini, memohon dengan limpah kurniaanMu berkatilah apa jua kiranya amalan-amalan pekerjaan kami dan kebesaranMu yang menyeluruh bagi memimpin kami ketika berunding, dan menimbang segala perkara yang didatangkan di hadapan kami, dan kekalkanlah di hati kami sifat-sifat Amanah, jujur dan bertanggungjawab bagi menegakkan syariatMu dan menambahkan kemakmuran dan kesejahteraan Negeri Kedah Darul Aman dan sekalian penduduknya.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ



II. PERISYTIHARAN MEMANGGIL DEWAN

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Kedah Darul Aman dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan izinya kita dapat mengadakan Mesyuarat Yang Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Kelima Belas yang diadakan pada pagi yang mulia ini.

Sepertimana yang dikehendaki oleh Perkara 1 Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, maka sekarang saya akan bacakan Perisytiharan memanggil Dewan yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah seperti berikut :-

Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. Perisytiharan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman Dan Segala Daerah Takluknya, Sultan Dan Raja Pemerintah.

BAHAWASANYA Dewan Undangan Negeri Yang KEEMPAT BELAS telah dibubarkan pada 28 Jun 2023:

DAN BAHAWASANYA Fasal (4) Perkara 53 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah memperuntukkan bahawa Dewan Undangan Negeri yang baharu hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada sembilan puluh hari dari tarikh pembubaran itu:



MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA AL AMINUL KARIM SULTAN SALLEHUDDIN IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH, D.K., D.K.H., D.M.N., D.U.K., D.K. (Kelantan)., D.K. (Johor)., D.K. (Perak)., D.K. (Selangor)., D.K. (Negeri Sembilan)., D.K. (Perlis)., D.K. (Pahang)., D.M.K., S.M.D.K., S.H.M.S., S.G.M.K., S.P.M.K., S.S.D.K., Sultan dan Raja Pemerintah Negeri Kedah Darul Aman dan segala Daerah Takluknya, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara 53 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Undangan Negeri bagi mengadakan mesyuaratnya dan menetapkan 25 September 2023 bersamaan 09 Rabiulawal 1445H pada waktu pukul 9.00 pagi sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang KELIMA BELAS yang akan diadakan di Dewan Undangan Negeri Wisma Darul Aman di dalam Ibu Negeri BETA di Alor Setar.

Diperbuat di Istana BETA, Anak Bukit, di Ibu Negeri BETA di Alor Setar pada 12 September 2023 bersamaan 26 Safar 1445H.



III. PEMILIHAN SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Menurut Perkara 54(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman, Dewan Undangan Negeri dari semasa ke semasa perlu memilih mana-mana orang untuk menjadi Ahli atau layak menjadi Ahli Dewan Negeri sebagaimana ditentukan oleh Dewan Negeri sebagai Speaker.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat saya telah menerima satu (1) sahaja nama calon daripada pihak Kerajaan untuk dicadangkan menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman. Oleh yang demikian saya pohon mendapat cadangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Sekarang saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk membuat cadangan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Tuan Setiausaha Dewan Undangan Negeri, saya pohon mencadangkan **Encik Zubir bin Ahmad** dipilih menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Kelima Belas ini.

YB. DATO' HJH. USTAZAH SITI ASHAH BT HJ. GHAZALI

Tuan Setiausaha Dewan, saya pohon menyokong cadangan yang dibuat oleh YAB. Dato' Seri Menteri Besar.



TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima surat persetujuan secara bertulis daripada calon yang dicadangkan.

Dengan ini saya mempersilakan **Encik Zubir bin Ahmad** bangun dan memperkenalkan diri kepada Dewan.

(Encik Zubir bin Ahmad bangun dan memperkenalkan diri)

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana seorang sahaja calon yang dikemukakan dan bagi mematuhi Peraturan 4(5) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, maka saya dengan ini mengisytiharkan **YB. Encik Zubir bin Ahmad** dipilih menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Kelima Belas ini.

Sekarang dipersilakan **YB. Encik Zubir bin Ahmad** untuk tampil di meja khas bagi mengangkat sumpah dan menandatangani Buku Sumpah seperti yang dikehendaki oleh Peraturan 5(4) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman dan Perkara 55(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman.

[Setelah selesai mengangkat sumpah dan menandatangani buku sumpah]

Dengan hormatnya dipersilakan Yang Berhormat Adun Sungai Limau untuk mengiringi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar bagi memakaikan **JUBAH Rasmi Speaker** kepada **YB. Encik Zubir bin Ahmad** dan seterusnya mengiringi **YB. Encik Zubir bin Ahmad** ke tempat duduk Yang Berhormat Speaker di atas Astaka.

Dipersilakan YB. Encik Zubir bin Ahmad untuk naik ke astaka.



TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya menyerahkan perjalanan Mesyuarat seterusnya kepada Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah robbil 'alamin wassolatu wassala muala asyrofil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasohbhi ajma'in. Robbish rohli sodri wayarsirli amri wahlul 'uddatan millisani yafghohu khauli.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian kerana memilih saya sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Kelima Belas ini. Bagi melicinkan perjalanan persidangan Dewan ini dari semasa ke semasa, kerjasama yang padu daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian sangatlah saya harapkan.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha!

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Majlis Mengangkat Sumpah Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman.



**IV. MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI YANG BERHORMAT DEWAN
UNDANGAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN.**

YB. TUAN SPEAKER

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, atur cara seterusnya ialah majlis Mengangkat Sumpah dan Menandatangani Buku Sumpah oleh Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri mengikut kehendak Perkara 55(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman.

Dipersilakan Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA

Dipersilakan dengan segala hormatnya :-

1. **YAB. MENTERI BESAR
DATO' SERI HJ. MUHAMMAD SANUSI BIN MD. NOR
[ADUN JENERI]**
2. **YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BT HJ. GHAZALI
[ADUN MERBAU PULAS]**
3. **YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT
[ADUN SUNGAI LIMAU]**
4. **YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH
[ADUN JITRA]**
5. **YB. DATO' HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD
[ADUN BUKIT KAYU HITAM]**



6. YB. TUAN HJ. MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA
[ADUN KUALA NERANG]
7. YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA
[ADUN KUALA KETIL]
8. YB. TUAN HJ. DZOWAHIR BIN AB GHANI
[ADUN SUKA MENANTI]
9. YB. DATO' HJ. MOHD SALLEH BIN SAIDIN
[ADUN KUBANG ROTAN]
10. YB. TUAN HJ. MUHAMAD RADHI BIN HJ. MAT DIN
[ADUN ALOR MENGKUDU]
11. YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN
[ADUN KULIM]
12. YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN
[ADUN TOKAI]
13. YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' NAJMI BIN HJ. AHMAD
[ADUN KUPANG]
14. YB. DATO' ROMANI BIN WAN SALIN
[ADUN BUKIT PINANG]
15. YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD
[ADUN BUKIT LADA]
16. YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI
[ADUN TANJUNG DAWAI]
17. YB. TUAN HJ. AZHAR BIN IBRAHIM
[ADUN AYER HITAM]



18. YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD. AMIN
[ADUN PEDU]
19. YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD
[ADUN GUAR CHEMPEDAK]
20. YB. ENCIK AHMAD BIN SULAIMAN
[ADUN BELANTEK]
21. YB. ENCIK BADDROL BIN BAKHTIAR
[ADUN GURUN]
22. YB. ENCIK AZIZAN BIN HAMZAH
[ADUN BUKIT SELAMBAU]
23. YB. PUAN SHAMSILAH BINTI SIRU
[ADUN AYER HANGAT]
24. YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI
[ADUN PENGKALAN KUNDOR]
25. YB. ENCIK MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF
[ADUN BANDAR BAHARU]
26. YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR
[ADUN KOTA SIPUTEH]
27. YB. ENCIK AMAR PARED BIN MAHAMUD
[ADUN KUAH]
28. YB. ENCIK ABDUL RAZAK BIN KHAMIS
[ADUN SUNGAI TIANG]
29. YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI
[ADUN LUNAS]



- 30. YB. ENCIK MUHAMAD AMRI BIN WAHAB
[ADUN DERGA]
- 31. YB. TUAN HJ. SHARIR BIN LONG
[ADUN PANTAI MERDEKA]
- 32. YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB
[ADUN BAYU]
- 33. YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK
[ADUN ANAK BUKIT]
- 34. YB. ENCIK TEH SWEE LEONG
[ADUN KOTA DARUL AMAN]
- 35. YB. ENCIK LOH WEI CHAI
[ADUN BAKAR ARANG]
- 36. YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK
[ADUN SIDAM]

[Selepas Selesai majlis angkat sumpah Adun-Adun]



V. PEMILIHAN JAWATAN TIMBALAN SPEAKER

YB. TUAN SPEAKER

Tuan Setiausaha Dewan atur cara berikutnya.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pemilihan jawatan Timbalan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, menurut Perkara 54(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman dan Peraturan 6(1) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa hendaklah memilih seorang daripada Ahlinya untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai Timbalan Speaker.

Mengikut rekod Tuan Setiausaha Dewan, hanya ada satu (1) nama calon yang telah dicadangkan di Dewan ini iaitu daripada pihak Kerajaan. Sehubungan itu, saya pohon mendapat cadangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk membuat cadangan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan **YB. ENCIK ABDUL RAZAK BIN KHAMIS [Adun Sungai Tiang]** dipilih menjadi Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Kelima Belas ini.



YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

YB. Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan yang dibuat oleh YAB. Datuk Seri Menteri Besar.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan **YB. ENCIK ABDUL RAZAK BIN KHAMIS** untuk memperkenalkan diri kepada Dewan.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih **YB. ENCIK ABDUL RAZAK BIN KHAMIS**

Bagi mematuhi Peraturan 6(1) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, maka saya mengisytiharkan **YB. ENCIK ABDUL RAZAK BIN KHAMIS [Adun Sungai Tiang]** telah dipilih menjadi Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman.

YB. TUAN SPEAKER

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, setakat inilah sahaja urusan Persidangan Dewan bagi Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Kedah Ke-15 ini. Sebelum saya menangguhkan persidangan pada pagi ini, sukacita saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang terpilih menganggotai Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Kelima Belas ini.



Marilah sama-sama kita berdoa agar kita dapat menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita dengan sebaik-baiknya sama ada di dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan.

YB. TUAN SPEAKER

Bagi memberkati Mesyuarat Pertama Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Kelima Belas ini, saya dengan hormatnya mempersilakan Yang Berbahagia Sohibus Samahah Dato' Paduka Mufti Negeri Kedah Darul Aman untuk bacaan Doa.

Dengan segala hormatnya dipersilakan.

[Selepas Bacaan Doa oleh Dato' Paduka Mufti Negeri Kedah]

YB. TUAN SPEAKER

Urusan Seterusnya Tuan Setiausaha Dewan.



VI. TANGGUHAN SIDANG DEWAN

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Tangguhan Sidang Dewan.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan dengan segala hormatnya YAB Dato' Seri Menteri Besar untuk mencadangkan usul penagguhan dewan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan-urusan bagi Mesyuarat Pertama telah pun selesai, saya pohon mencadangkan di bawah Peraturan 16(3) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya "Persidangan Dewan ini ditangguhkan sekarang".

Sekian, terima kasih.

YB. DATO' HJH. HALIMATON SHAADIAH BIN SAAD

YB. Tuan Speaker, saya menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan Persidangan Dewan ini, saya sekali lagi mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telahpun dipilih menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman bagi kali yang Ke-15 ini dan saya mengalu-alukan Ahli-Ahli Yang Berhormat sama ada yang lama atau yang baru semoga dapat kita bersama-sama menunaikan tanggungjawab kita kepada Dewan Yang Mulia ini dan juga rakyat di Negeri Kedah.



Suka saya memperingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian berkenaan ketidakhadiran tanpa kebenaran Speaker mengikut Perkara 51 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah.

“Jika Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak hadir Sidang Dewan melebihi 2 kali berturut-turut maka tempatnya akan menjadi kosong dan sebarang ketidakhadiran Ahli-Ahli Yang Berhormat hendaklah dimaklumkan kepada YB. Speaker sama ada melalui surat atau pemberitahuan secara mulut”.

Saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat membaca buku Peraturan-Peraturan Dewan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah.

Satu perkara lagi yang saya nak beritahu kepada pihak pembangkang ialah pemilihan Ketua Pembangkang untuk Persidangan Dewan Undangan Negeri yang akan datang. Saya pohon dikemukakan secara bersurat kepada saya sebelum persidangan kedua mesyuarat akan datang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.

Sekian, Wabillahitaufik Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

[Dewan ditangguhkan pada jam 10.25 pagi]